

KEPENTINGAN ZIKIR DALAM MENDIDIK ROHANI DAN JASMANI PENDAKWAH

Oleh
Syed Abdurahman bin Hj. Syed Hussin*

Abstract

The article elaborates the significance of zikr in generating spiritual and physical strength of the da'i.

Antara sifat yang dapat memberikan bekal kepada pendakwah dalam mendidik rohani dan jasmaninya agar mampu menanggung tribulasi dalam dakwah ialah *zikrullah* (mengingati Allah).

Pendakwah perlu sentiasa berhubung dengan Allah dan mengingatinya dalam setiap waktu dan keadaan, kerana zikir tersebut ibarat bahan bakar yang dapat menggerak dan mendorongnya terus maju ke depan mengharungi halangan dalam menyebarkan dakwah Allah.

Menjadi kewajipan kepada pendakwah memestikan agar hati dan lidahnya tidak berhenti dari mengingati Allah dalam setiap detik, kerana zikir bagi hati manusia umpama udara bagi badan. Sekiranya seseorang boleh beranggapan bahawa tubuh manusia boleh hidup tanpa udara, maka adalah juga benar kalau beliau mengatakan hati manusia boleh hidup tanpa mengingati Allah.

Mengingati Allah bagi pendakwah adalah ibarat bahtera penyelamat dari tenggelam dalam lautan keraguan, perasaan was-was, keluh kesah dan seluruh

*Pensyarah di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

penyakit jiwa. Kata Ibn Taimiyyah¹ “zikir bagi hati umpama air bagi ikan, bagaimana keadaan ikan apabila berpisah dari air?”²

Pendakwah tidak dapat tidak perlu sentiasa berhubung dengan Allah, kerana hubungan yang berterusan itu sentiasa menghangatkan ikatan dan pendakwah akan sentiasa memperolehi bantuan dan kekuatan, oleh kerana zikir itu merupakan tali penghubung yang kukuh menghubungkan manusia dengan Allah dan memberikannya perasaan sentiasa hampir kepada-Nya. Merasakan Allah sentiasa mengawasi, menjaga, dan sentiasa di samping. Perasaan begini akan menghasilkan keberanian dalam jiwa orang yang berzikir dan menjadikannya tidak takut menghadapi apa sahaja dalam usaha menyebarkan dakwah Allah.

Kata Sayyid Qutb:

“Zikir adalah penghubung kepada sumber yang menurunkan al-Quran..... Sesungguhnya zikir adalah penghubung kepada pemilik dakwah. Dia adalah punca kekuatan, bekalan dan bantuan..... Berhubung dengan-Nya adalah melalui zikir, ibadat, berdo'a dan bertasbih. Jalan dakwah adalah panjang, tanggungjawabnya berat dan memerlukan kepada bekalan dan kelengkapan yang banyak. Perbekalan tersebut terdapat di sana iaitu di mana manusia bertemu dengan Tuhannya dalam khalwat dan munajat, dalam penumpuan dan dalam rasa kemesraan yang melimpahkan kepadanya dengan rasa kelegaan di atas kepenatan dan tekanan. Seterusnya melimpahkan dari perhubungan ini dengan kekuatan meskipun dalam keadaan lemah dan sedikit, di mana jiwa terlepas dari perasaan kecil dan kesibukan, lalu melihat besarnya tanggungjawab dan agungnya amanah yang mana dengan itu dia merasa kecil terhadap segala perkara yang telah dan akan menimpa di sepanjang jalan dakwah.”³

¹Nama penuh beliau ialah Ahmad bin 'Abd al-Halim bin 'Abd al-Salam bin 'Abd Allah bin Muhammad bin al-Khidir bin 'Ali bin 'Abd Allah bin Taimiyyah. Seorang ulama terkenal bermazhab Hanbali. Lahir pada 10 Rabi' al-Awwal tahun 661 H dan meninggal tahun 748 H. Beliau merupakan pakar dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan termasuk Tafsir, Hadith, Fiqh, 'Ilm al-Kalam dan Usul al-Fiqh. Menghasilkan lebih dari 300 buah buku. Lihat Mohamad Kamil Hj. Ab. Majid, *Tokoh-Tokoh Pemikir Islam*, Jil 1, 1993, Budaya Ilmu Sdn, Bhd, Petaling Jaya, Selangor, m.s: 49-50.

²Ibn Qayyim al-Jauziyyah, *al-Wabil al-Sayyib Fi al-Kalim al-Tayyib*, cet ke 2 1399 H, Maktabah Dar al-Bayan, Dimasyq, m.s: 53.

³*Fi Zilal al-Quran*, cet ke 2, 1399H, Dar al-Syuruq Beirut, juz 1, m.s: 214.

Tidak diragui lagi bahawa hubungan yang berterusan serta ingatan yang tidak putus terhadap Allah, adalah antara perkara yang tidak sepatutnya berpisah dari seorang muslim terutamanya pendakwah. Dengan itu maka Allah telah memerintahkan Rasul-Nya dalam surah al-Muzzammil agar sentiasa mengingatnya serta menumpukan zikir dan ibadat bagi-Nya.

Firman Allah (maksudnya): *“dan sebutlah (dengan lidah dan hati) akan nama Tuhan mu (terus menerus malam dan siang), serta tumpukanlah amal (ibadat mu) kepada-Nya dengan sebulat-bulat tumpuan”*⁴

Dalam ayat ini Allah memerintahkan Rasul-Nya agar sentiasa berzikir kepada-Nya pada waktu malam dan siang, dengan dirinya sendiri atau dengan orang ramai, serta mengingatkan supaya janganlah ia terhalang dari sentiasa mengingati Allah oleh urusan yang berpanjangan di siang hari bersama orang ramai.

Dari perintah Allah kepada Rasul-Nya agar mengingati-Nya sentiasa, disaring sifat pendakwah yang tidak dapat tidak perlu ada kepadanya dalam usaha menyebarkan dakwah Allah iaitu berhubung dengan Allah dan mengingati-Nya dalam seluruh keadaan.

Erti zikir ialah; membebaskan diri dari sifat lalai dan lupa. Perbezaan antara lalai dan lupa ialah; lalai adalah meninggalkan sesuatu berdasarkan pilihan orang yang melakukannya, sedangkan lupa ialah meninggalkan sesuatu bukan dengan pilihan sendiri. Dengan kerana itu Allah berfirman yang bererti: *“janganlah kamu termasuk ke dalam golongan orang yang lalai”*.⁵ Allah tidak mengatakan *“janganlah kamu termasuk ke dalam kalangan orang yang lupa”*, kerana lupa tidak termasuk ke dalam taklif yang mana ianya tidak perlu ditegah.

Dalam kamus *al-Sihah* menyebut *al-zikr* dan *al-zikra* dengan bacaan baris bawah ialah lawan kepada lalai. *Al-Zikra* juga membawa erti terkenal dan terpuji sebagaimana firman Allah dalam surah Sad (38): 1 bermaksud *“demi al-Qu’an yang mempunyai kemuliaan”*. Firman Allah dalam surah Yusoff (12): 45 bermaksud *“mengingati Yusoff selepas dia terlupa terhadapnya”*.⁶

Yang dimaksudkan dengan menyebut nama Allah dalam ayat 8 dari surah al-Muzzammil di atas ialah; janganlah pendakwah terhenti dari mengingati dan berhubung dengan-Nya serta janganlah ingatan dan hubungan itu hanya terbatas

⁴Q: al-Muzzammil (73): 8.

⁵Q: al-A’raf (7): 205.

⁶*Al-Sihah Taj al-Lughah Wa Sihah al-‘Arabiyyah*, juz 2, m.s: 664. fasl “al-Zal”, bab “al-Ra”.

dalam sembahyang dan pembacaan al-Qur'an sahaja. Dengan kerana itu Allah Ta'ala telah menyebut tentang zikir dalam surah al-Muzzammil selepas memerintahkan Rasul-Nya supaya bangun bersembahyang malam dan membaca al-Qur'an. Sekiranya yang dimaksudkan dengan zikir itu ialah sembahyang dan membaca al-Qur'an maka tidak ada faedah untuk diulangi perkataan zikir. Akan tetapi Allah telah membawa perkataan zikir selepas menyebut sembahyang dan membaca al-Qur'an adalah untuk membuktikan kepada tuntutan mengadakan hubungan melalui zikir yang berterusan melalui sebutan lidah dan hati dalam semua keadaan. Hal ini terlihat dengan lebih nyata lagi apabila Allah mengakhirkan ayat tersebut dengan firmannya bermaksud "*serta tumpukanlah (amal ibadatmu kepada-Nya) dengan sebulat-bulat tumpuan*". Tujuannya agar hati tidak disibukkan dan dipesongkan dari berhubungan dengan Allah dan perasaan sentiasa bersama-Nya.

Abu Hayyan dalam mentafsirkan ayat tersebut mengatakan "*berkekalanlah dalam mengingati Allah yang merangkumi segala bentuk zikir dari tasbih, tahlil dan lain-lain*".⁷

Kata Ibn Kathir dalam menghuraikan ayat ini "*banyakkanlah mengingati Allah dan berikan perhatian kepada-Nya serta berilah tumpuan sepenuhnya dalam beribadat kepada-Nya apabila engkau selesai dari segala urusan dunia mu sebagaimana firman Allah dalam surah al-Insyirah (94): 8 bermaksud "kemudian apabila engkau telah selesai (daripada sesuatu amal saleh), maka bersungguh-sungguhlah engkau berusaha (mengerjakan amal saleh yang lain)"*".⁸

Menjadi kewajipan kepada pendakwah memahami bahawa penjagaan terhadap hatinya hendaklah mengatasi penjagaan segala perkara lain. Sekiranya dia mengambil berat terhadap jasad dan akalunya dengan memberikan segala keperluan yang mesti baginya untuk ia melaksanakan tugasnya dengan sempurna, maka begitu jugalah menjadi kewajipan ke atasnya mengambil berat terhadap hatinya, kerana dengan hatinyalah dia menjadi pendakwah, dengan hatinyalah dia menjadi mukmin, dan dengan hatinyalah dia menjadi manusia rabbani. Keperluan menjaga hati ini adalah disebabkan buta yang hakiki bukannya buta mata tetapi buta hati yang terletak dalam dada sebagaimana yang ditegaskan oleh Allah dalam surah al-Hajj (22): 46 bermaksud "*kerana keadaan yang sebenarnya bukanlah mata kepala yang buta, tetapi yang buta itu ialah mata hati yang ada dalam dada*".

⁷*al-Tafsir al-Kabir al-Musamma Bi al-Bahr al-Muhit*, t.t. Maktabah Wa Matabi' al-Nasr al-Hadith Riyadh, juz 8, m.s: 363.

⁸Tafsir al-Qur'an al-'Azim, yang dikenali dengan *Tafsir ibn Kathir*, 1388H, Dar al-Makrifat Li al-Tiba'ah Wa al-Tawzi', Beirut, juz 4, m.s: 438

Menjadi kemestian kepada pendakwah mengambil berat terhadap hatinya, mengawasi dan meneliti keadaannya untuk diketahui sejauh mana keras dan lembutnya hati tersebut, sejauhmana ianya hidup atau mati, sekadar mana kering atau basahya, kerana hati yang lembut tanda kepada keimanan pemiliknya. Pendakwah pula hendaklah bersifat lemah lembut dan kasihan belas. Dengan itu menjadi kewajipannya mengambil berat terhadap hatinya dengan membekalkan kepadanya perkara-perkara yang dapat menjadikannya lembut, bersopan, rabbani, bersinar, bersih dan tenang.

Antara 'ibadat yang dapat menghidupkan hati dan menjadikannya lemah lembut dan kasihan belas ialah zikir terhadap Allah. Dengan berzikir dapat menghidup dan membersihkan hati. Dengan zikir juga dapat menghilangkan karat dan menghasilkan kelembutan, seterusnya hati akan terlepas bebas dari terikat dengan ruanglingkup dunia yang sempit terbatas dan fana ini, lalu berhubung dengan alam yang tinggi di mana hati menerawang dalam alam yang lebih luas dari alam kebendaan. Dengan itu maka terlepaslah ia dari belunggu dunia dan berhubung dengan pemilik keagungan, kekuatan dan kekuasaan, iaitu Pencipta alam dan pentadbirnya yang mana pada-Nya lah kuasa mencipta, menghidup dan mematikan. Dialah pemberi rezeki yang memiliki kekuatan mutlak. Apabila seseorang itu bergantung kepada zat yang memiliki segala sifat tersebut, maka dengan sendirinya akan memberikannya rasa aman dari segala ketakutan kerana berada dalam kawalan Allah.

Dengan ini zikir adalah merupakan penghubung kepada punca segala perkara yang menjadikan hati orang yang berzikir atau pendakwah tidak terikat dengan dunia serta tidak mengutamakan dunia dan segala kemewahannya, sebaliknya kehidupannya terikat dengan kekuatan yang teragung di mana hati dan fikirannya sentiasa berhubung dengan-Nya

Tidak diragui bahawa hati juga berkarat sebagaimana berkaratnya besi dan tembaga dan lain-lain, penggilapnya ialah zikir, kerana zikir menyentalnya hingga menjadi bersih seperti cermin. Kekotoran hati datang dari dua sebab iaitu; lalai dan dosa. Membersihnya juga melalui dua perkara iaitu; *istighfar* (memohon keampunan) dan zikir. Sesiapa yang dalam kebanyakan waktunya berada dalam kelalaian maka karat akan berlapis ke atas hatinya kerana karat itu bertambah mengikut kadar kealpaannya. Apabila hati berkarat maka gambaran maklumat tidak akan tertera dengan baik sebagaimana yang sepatutnya, lalu dengan itu dia melihat kebatilan dalam bentuk kebenaran dan kebenaran dalam bentuk kebatilan kerana karat yang telah bertimbun menutupi hatinya lalu menggelapkan cahaya hati tersebut. Dengan itu gambaran hakikat yang sebenar tidak ternampak kepadanya.

Sabda Rasulullah s.a.w: *“di bentangkan fitnah ke atas hati manusia seperti tinar sekeping-sekeping, mana-mana hati yang menerima fitnah ini akan di titik ke dalamnya satu titik hitam. Mana-mana hati yang menolaknya maka akan dititik ke dalamnya satu titik putih sehingga manusia seolah-olah memiliki dua hati. Yang putih seperti batu yang licin sehingga tidak boleh dimudaratkan oleh apa-apa fitnah selagi wujud langit dan bumi. Yang lain hitam pekat seperti kendi air yang terbalik tidak mengenali kebaikan dan tidak mengingkari kemungkaran kecuali menerima apa yang disukai oleh keinginannya”*.⁹

Kata Ibn Qudamah al-Maqdisi *“ketahuilah bahawa sesungguhnya tidak ada selepas membaca al-Qur’an suatu ‘ibadat yang ditunaikan dengan lisan lebih baik dari zikir kepada Allah, dan memohon segala hajat melalui do’a yang ikhlas kepada-Nya”*.¹⁰

Zikir adalah merupakan senjata yang membentengi diri pendakwah dari bisikan syaitan serta hasutan dan godaannya. Sesungguhnya memohon perlindungan dengan Allah dan sentiasa mengingati serta muraqabah kepada-Nya adalah antara faktor utama yang dapat mengawal dari syaitan. Mereka-mereka yang mengingati Allah lelaki dan perempuan, yang bertaubat kepada Allah dari dosa-dosa mereka, juga yang memohon keampunan dari kalangan lelaki dan wanita, adalah merupakan mereka yang amat payah untuk diperdaya oleh syaitan sehingga ia tidak dapat menghasilkan kehendaknya dari mereka ini. Ada pun yang berterusan di dalam maksiat serta yang malas dalam menunaikan ‘ibadat, mereka ini ibarat cincin yang berada dijari syaitan yang ia boleh lakukan apa sahaja mengikut kehendaknya.

Zikir menjadikan pendakwah sentiasa tertumpu kepada Allah serta mengalihkan hatinya dari perkara yang tidak berfaedah, juga mencegahnya dari memberi perhatian kepada perkara-perkara yang tiada kaitan dengan dakwahnya. Ini merupakan antara tuntutan utama dakwah, kerana sesungguhnya pendakwah yang benar ialah yang bergelumang dengan dakwah dalam setiap detik hidupnya. Zikir kepada Allah dari sudut banyaknya serta pula tidak terikat dengan waktu tertentu dapat menghasilkan penumpuan kepada dakwah melalui tumpuan kepada Allah.

Zikir juga memberikan ketenangan kepada pendakwah, dan ketenangan ini merupakan keperluan bagi pendakwah bagi menghadapi kesusahan yang menantinya

⁹*Sahih Muslim*, kitab *“al-Iman”* bab *“Bayan Anna al-Islam Badaa Ghariban Wa Saya’udu Ghariban”*, juz 1, m.s: 128-129.

¹⁰*Mukhtasar Minhaj al-Qasidin*, cet ke 4 1394H, Maktab Islami Dimasyq, m.s: 47.

di jalan dakwah. Zikir memberikan ketenangan, kepercayaan kepada diri, kelegaan dan damai. Ini semua merupakan sifat yang perlu dimiliki oleh pendakwah terutamanya ketika menghadapi kesusahan, kegawatan dan tekanan. Cepat melatah serta tidak tenang memberi kesan dan tindak balas yang membawa kepada keadaan kucar kacir dalam bertindak. Begitu jugalah dengan sifat damai dan yakin diri, kerana ketiadaannya boleh membawa kepada hilangnya perimbangan kepada pendakwah. Hal ini telah dijelaskan oleh Allah melalui firman-Nya dalam surah al-Ra'd (13): 28 bermaksud "*orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikr Allah. Ketahuilah! dengan 'Zikr Allah' itu, tenang tenteramlah hati manusia*".

Zikir juga membangkitkan sifat berani, ingin mara ke depan serta tegas dalam menyatakan kebenaran, ini kerana pendakwah merasakan Allah sentiasa bersamanya disebabkan perhubungannya dengan Allah secara berterusan. Dengan ini juga segala kesusahan dirasakan kecil, segala kesakitan dirasakan ringan serta tercabut dari hatinya rasa takut kepada manusia, sebaliknya dia merasa kemuliaan diri serta ketinggian iman kerana perhubungannya dengan kekuatan Yang Maha Perkasa. Selain dari itu keyakinan bahawa dia berada di pihak yang benar serta membawa risalah kebenaran, sedangkan yang menentangnya berada dipihak yang batil, jahat dan zalim. Kebenaran itu sudah pasti akan menang akhirnya. Firman Allah dalam surah al-Isra' (17): 81 bermaksud "*dan katakanlah: telah datang kebenaran (Islam), dan hilang lenyaplah perkara yang salah (kufur dan syirik); sesungguhnya yang salah itu sememangnya satu perkara yang tetap lenyap*".

Sesungguhnya pendakwah amat memerlukan sifat berani, tegas serta mara ke depan dalam menghadapi kebatilan, kerana kebatilan dan pendokong-pendokongnya menggunakan segala saluran yang boleh dari kezaliman, pembunuhan dan menghalau serta lain-lain cara dalam menyisihkan pendokong kebenaran. Sifat-sifat ini dengan sendirinya akan melahirkan kekuatan dan tenaga dalam jiwa yang mendorong pendakwah menghadapi segala cabaran dan mengatasi segala halangan dengan penuh yakin dan tenang.

Ekoran dari sentiasa berzikir dan berhubung dengan Allah akan memenuhkan jiwa dengan rasa gembira dan mesra yang menghilangkan rasa duka dan malang. Ia merupakan saluran yang memberikan rasa aman kepada pendakwah ketika menghadapi ketakutan kerana Allah akan sentiasa bersama orang-orang yang sentiasa berzikir kepadanya sebagaimana yang di firmankan-Nya dalam surah al-Baqarah (2): 152 bermaksud: "*oleh itu, ingatlah kamu kepada Aku (dengan mematuhi hukum dan undang-undang Ku), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepada Ku dan janganlah kamu kufur (akan nikmat Ku)*".

Dari Abu Hurairah r.a. katanya "*sabda Rasulullah s.a.w. "Allah 'Azza Wajalla berkata "Aku mengikut sangkaan hamba Ku, dan Aku bersamanya ketika dia mengingat Aku, sekiranya dia mengingat Aku dalam dirinya Aku mengingatinya dalam diri Ku, sekiranya dia mengingat Ku dalam sekumpulan ramai Aku akan mengingatinya dalam kumpulan yang lebih baik darinya. Sekiranya dia mendekati Aku sejengkal Aku akan mendekatinya sehasta, sekiranya dia mendekati Ku sehasta Aku akan mendekatinya sedepa. Sekiranya dia datang pada Ku berjalan Aku akan mendatangi secara berlari"*".¹¹

Allah Ta'ala memerintahkan orang Islam supaya mengingat-Nya dalam seluruh keadaan mereka dan jangan menyebukkan hati mereka dengan mengalihkan kepada selain dari Allah agar tidak terputus hubungan antara mereka dengan Allah. Allah memerintahkan supaya mengingat-Nya pada setiap kali selepas sembahyang melalui firman-Nya yang bermaksud "*kemudian apabila kamu telah selesai menunaikan sembahyang, maka hendaklah kamu menyebut dan mengingat Allah semasa kamu berdiri atau duduk dan semasa kamu berbaring*".¹²

Allah memerintahkan orang yang beriman supaya berzikir kepada-Nya selepas menunaikan ibadat Haji melalui firman-Nya yang bermaksud "*kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan amalan 'ibadat Haji kamu, maka hendaklah kamu menyebut dan mengingat Allah (dengan membesarkan-Nya) sebagaimana kamu dahulu menyebut-nyebut (memuji-muji) datuk nenek kamu, bahkan dengan sebutan yang lebih lagi*".¹³

Allah juga memerintahkan mereka mengingatinya ketika berdepan dengan musuh melalui firman-Nya yang bermaksud "*wahai orang-orang yang beriman! apabila kamu bertemu dengan satu pasukan (musuh) maka hendaklah kamu tetap teguh menghadapinya, dan sebutlah serta ingatilah Allah (dengan do'a) banyak-banyak, supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan)*".¹⁴

Allah juga memerintahkan mereka mengingatinya pagi dan petang melalui firman-Nya yang bermaksud "*dan sebutlah dengan lidah atau dengan hati akan nama Tuhan mu (di dalam dan di luar sembahyang), pada waktu pagi dan petang*".¹⁵

¹¹*Sahih Muslim*, kitab "*al-Zikr Wa al-Dua*" bab "*Fadl al-Zikr wa al-Du'at wa al-Taqarrub Ila Allah*" juz 4, m.s: 2067

¹²Q: al-Nisa' (4): 103.

¹³Q: al-Baqarah (2): 200.

¹⁴Q: al-Anfal (8): 45.

¹⁵Q: al-Insan (76): 35.

Rasulullah s.a.w. telah menyebut banyak hadith yang berkaitan dengan zikir serta kelebihanannya di samping menggesa agar orang mukmin membanyakkan zikir. Baginda telah menyifatkan majlis zikir dengan taman syurga dalam sabdanya “*apabila kamu melalui di taman syurga maka hendaklah kamu singgah*”, lalu para sahabat bertanya “*apa itu taman syurga?*”, jawab Rasulullah “*majlis zikir*”.¹⁶

Rasulullah s.a.w. juga menjelaskan bahawa malaikat akan menurunkan ketenangan, memayungi serta melimpahkan rahmat ke atas majlis zikir. Sabda baginda “*tidak berhimpun satu kaum kerana mengingati Allah, kecuali mereka akan dipayungkan oleh malaikat, dilimpahkan dengan rahmat serta diturunkan ke atas mereka ketenangan, seterusnya Allah akan meningkatkan mereka di kalangan mereka yang berada di sisi-Nya*”.¹⁷

Dengan itu Rasulullah berpesan agar orang muslim sentiasa membasahi lidahnya dengan zikir Allah. Tarmizi meriwayatkan dari ‘Abd Allah bin Bisyr bahawa seorang lelaki telah berkata “*wahai Rasulullah sesungguhnya syariat Islam telah banyak ke atas ku sedangkan aku seorang yang telah lanjut usia, oleh itu beritahulah kepada aku sesuatu yang aku dapat jadinya pegangan, jawab Rasulullah “jadikanlah lidah engkau sentiasa basah dengan zikir Allah*”.¹⁸

Sesungguhnya kelebihan zikir itu banyak. Ibn al-Qayyim telah menyebut dalam kitabnya lebih dari seratus faedah yang dapat di ambil dari zikir.¹⁹ Kata Syeikh Nasr al-Samarqandi:

“huraian tentang maksud berzikir dalam seluruh keadaan ialah bahawa seorang hamba tidak terlepas dari empat keadaan iaitu sama ada ia berada dalam ketaatan, atau dalam kemaksiatan, atau dalam kenikmatan atau dalam kesusahan. Sekiranya dalam ketaatan maka sayugia ia mengingati Allah dengan memohon taufiq serta memohon diterima ketaatannya. Sekiranya dalam maksiat maka sayugia baginya berdo‘a kepada Allah agar mencegahnya dari maksiat serta memohon keampunan dari-Nya. Sekiranya dalam kenikmatan maka ia mengingati Allah kerana bersyukur dan kalau

¹⁶al-Tarmizi, *Jame' al-Sahih Li al-Tarmizi*, kitab “*al-Da‘awat*”, bab (78), no, hadith (3505). Kata beliau “*Hadith Hasan Gharib*”

¹⁷*Sahih Muslim*, kitab “*al-Zikr Wa al-Dua' Wa al-Tawbah*”, bab “*Fadl al-Ijtima' ‘Ala Tilawat al-Quran Wa ‘Ala al-Zikr*”, juz 4, m.s: 2074

¹⁸*Sahih Tarmizi*, kitab “*al-Da‘awat*”, bab “*Fadl al-Zikr*”, no hadith (3372). Disahkan oleh al-Hakim, juz 1, m.s: 495.

¹⁹*Al-Wabil al-Sayyib Fi al-Kalim al-Tayyib*, *op. cit*, m.s: 52

dalam kesusahan maka ia perlu mengingati Allah agar mengurniakan kesabaran."²⁰

Dalam zikir kepada Allah mengandungi lima sifat terpuji iaitu;

- pertama : di dalamnya terdapat keredaan Allah.
- kedua : akan menambahkan kesungguhan dalam melakukan ketaatan.
- ketiga : terkawal dari syaitan.
- keempat : akan melembutkan hati.
- kelima : akan tercegah dari melakukan maksiat.²¹

Itulah sebahagian dari ayat-ayat al-Qur'an dan hadith-hadith serta kata-kata beberapa ulama' tentang kelebihan zikir dan kepentingannya. Dari sini ternyata kepada pendakwah kepentingannya. Dengan itu hendaklah pendakwah menjadi orang yang mengingati Allah dalam setiap waktu dan keadaan. Lebih-lebih lagi apabila pendakwah memahami bahawa Allah menjadikan antara sifat orang mukmin ialah sentiasa mengingati Allah dalam setiap keadaannya. Firman Allah dalam surah 'Ali 'Imran (3): 191 bermaksud "*orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk, dan (semasa) mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): wahai Tuhan kami! tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka*".

Rasulullah s.a.w. adalah contoh bagi pendakwah dalam mengingati Allah, dan memadailah bagi mereka Rasulullah itu sebagai model ikutan, di mana baginda telah mengajar umat Islam cara mengingati Allah dalam segala keadaan serta berdo'a dalam seluruh suasana. Rasulullah berzikir kepada Allah ketika memasuki rumah serta keluar darinya. Ketika memasuki masjid serta keluar darinya. Ketika makan dan selesai darinya. Ketika memakai pakaian dan memecatnya. Ketika hendak tidur dan ketika bangkit darinya. Ketika memasuki tandas serta keluar darinya. Bahkan ketika seseorang itu ingin menggauli isterinya.

Dengan itu zikir merupakan senjata ampuh serta ubat yang mujarab bagi pendakwah dalam menghadapi gelombang zaman, menghadapi ragam kehidupan dan kesusahannya terutamanya di saat kini yang memperlihatkan penyebaran keburukan dan kemungkarannya begitu berleluasa.

²⁰*Tanbih al-Ghafilin*, tahqiq 'Abd al-'Aziz Muhammad al-Wakil, cet 1, Dar al-Syarq Jeddah, m.s: 432.

²¹*Ibid.*